



LENSA
KAMPUS

Pendebat USIM hebat

Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@

mediaprima.com.my

Pasukan Debat Bahasa Arab Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencipta kejayaan di pentas debat universiti apabila muncul johan Pertandingan Akhir Debat Maal Hijrah 1436H Institut Pengajian Tinggi (IPT), baru-baru ini.

Pendebat USIM, Anis Amirah Zakaria, Azka Annisa Zakaria, Mazyah Osman dan Nur Akma Mohd Dali bertindak sebagai pembangkang bertemu pasukan Universiti Malaya membahaskan usul Keprihatinan Terhadap Orang Kurang Upaya Dalam Kalangan Masyarakat Masih Lemah.

Sebanyak 14 pasukan daripada pelbagai IPT menyertai pertandingan yang dianjurkan kali kedua ini.

WAJAH gembira pendebat USIM yang berjaya bergelar johan.

